



SOP AM PELAKSANAAN MAJLIS KENDURI

Kelulusan daripada Pihak PDRM

Dimohon 5 hari sebelum pelaksanaan.

Sistem Nombor Giliran

Masuk ke majlis menggunakan nombor giliran yang disediakan

Kapasiti Tetamu yang Hadir

50 orang dewasa sahaja tertakluk kepada saiz keluasan ruang

Waktu Penganjuran Majlis

Sebolehnya 12 tengah hari sehingga 4 petang atau 5 jam sahaja

Kapasiti meja makan dan penjarakan kerusi

4 orang satu meja dan penjarakan kerusi 1 meter antara satu sama lain

Pintu masuk dan Pintu keluar

Menentukan kawasan sempadan dengan disediakan pintu masuk dan pintu keluar

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
Kawasan yang terlibat	Seluruh Negeri Kelantan
Tempoh Berkuat Kuasa	27 Disember 2020 sehingga diberitahu kelak.
Kawalan Kepada Tetamu	<ul style="list-style-type: none"> a. Kaunter saringan suhu hendaklah diwujudkan di pintu masuk supaya tetamu yang hadir, membuat pemeriksaan suhu badan. Tetamu dengan suhu badan melebihi 37.5 darjah celsius tidak dibenarkan masuk. b. Penganjur hendaklah melantik petugas di kaunter saringan suhu bagi memastikan para tetamu membersihkan tangan (<i>hand sanitizer</i>) dan merekod kehadiran. c. Penganjur diwajibkan mengambil petugas RELA untuk menjaga semua SOP. d. Semasa para tetamu menunggu giliran di kaunter saringan, penjarakan sosial sekurang-kurangnya 1 meter mesti dipatuhi. e. Penganjur dan tetamu diwajibkan memakai pelitup muka (<i>face mask</i>) kecuali ketika menjamu selera. f. Pintu masuk dan pintu keluar hendaklah dikawal supaya tidak sesak dengan tetamu. g. Kehadiran tetamu adalah dihadkan kepada 50 orang dewasa sahaja pada satu-satu masa. Penganjur hendaklah mengawal bilangan kehadiran tetamu dengan menggunakan sistem nombor giliran dan lain-lain. h. Pengisian meja makan hendaklah tidak melebihi 4 orang bagi satu-satu masa. Susunan kerusi hendaklah dibuat penjarakan 1 meter di antara satu sama lain. i. Semua penganjuran majlis hendaklah mendapatkan kelulusan PDRM dengan cara dimohon kelulusan daripada balai polis terdekat 5 hari sebelum majlis.
Pendaftaran Tetamu Menggunakan Aplikasi MySejahtera	<ul style="list-style-type: none"> a. Semua Penganjur mesti mendaftarkan tetamu menggunakan imbasan QR code melalui aplikasi MySejahtera selain daripada pendaftaran bagi rekod penganjur. b. Tetamu yang tidak mempunyai telefon pintar hendaklah direkodkan secara manual.
Ruang Majlis	<ul style="list-style-type: none"> a. Kawasan penganjuran majlis termasuk tandas dan semua ruang hendaklah dibuat proses nyah kuman sebelum dan selepas penganjuran majlis. b. Tempat penganjuran majlis hendaklah dipastikan mempunyai pengudaraan yang baik. c. Jumlah kerusi hendaklah disesuaikan dengan kehadiran tetamu setakat 50 orang sahaja pada satu-satu masa dengan penjarakan sosial 1 meter bagi setiap tetamu. d. Sebarang pemberian makanan adalah dalam kedudukan penjarakan 1 meter serta tidak berkumpul semasa makan. e. Masuk dan keluar hendaklah pada pintu yang berlainan. f. Jika majlis diadakan di ruangan terbuka penganjur hendaklah menentukan kawasan sempadan dengan disediakan pintu masuk dan pintu keluar.